



English Version

Utara Selatan Timur Tengah Sabah & Sarawak

| [Kembali ke Bernama.com](#) | [Pelan Laman](#) | [Meja Bantuan](#) | [E-mel Kami](#) |

Menu Utama

- [Laman Utama](#)
- [Arkib Berita](#)
- [Rencana](#)
- [Galeri Foto](#)
- [Pautan](#)

Lain-lain Pautan

- [Jabatan Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang](#)
- [Majlis Bandaraya Ipoh](#)

Berita Utara

July 05, 2010 18:40 PM

IKS Dipelawa Ceburi Industri Biojisim

IPOH, 5 Julai (Bernama) -- Syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan Isnin dipelawa menceburi industri biojisim melalui program pembangunan yang disediakan oleh sebuah agensi kerjasama ekonomi serantau, Biomass-SP.

Penasihat Teknikal Biomass-SP Datuk Leong Kin Mun berkata sebanyak 50 IKS akan dipilih untuk menceburi aktiviti pengkomersilan biojisim untuk pasaran antarabangsa.

"Biomass-SP berperanan membangunkan potensi IKS tempatan agar lebih kompetitif menyumbang dalam pembangunan lestari dan usaha mengurangkan perubahan cuaca melalui industri biojisim," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Leong berkata IKS yang terpilih bakal menerima khidmat runding teknikal secara percuma iaitu penyediaan dokumen pembangunan projek, pengiraan pelepasan karbon, nota idea projek dan mekanisme pembangunan bersih.

Beliau berkata IKS yang menyertai program itu juga akan dibantu untuk mendapatkan modal teroka, permohonan geran kerajaan, insentif pelaburan dan pinjaman faedah rendah selain dibimbing menerokai akses pasaran mengikut spesifikasi dan syarat perolehan hijau.

Leong berkata mana-mana IKS yang berminat digalakkan menghadiri sesi taklimat projek Biomass-SP yang akan diadakan di beberapa lokasi seluruh negara dari 22 Julai hingga 9 Ogos ini.

Untuk maklumat lanjut, mereka boleh menghubungi Sekretariat Biomass-SP melalui talian 03-88848882, emel info@biomass-sp.net atau melayari laman web <http://www.biomass-sp.net>.

-- BERNAMA

Copyright © 2010 BERNAMA. All rights reserved.

This material may not be published, broadcast, rewritten or redistributed in any form except with the prior express permission of BERNAMA. [Disclaimer](#).